

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



MARHABAN YA RAMADAN



MESYUARAT SEKRETARIAT WADAH PUSAT



3 Februari 2025 - Mesyuarat Sekretariat Wadah Pusat telah berlangsung pada 3 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat. Mesyuarat ini dihadiri oleh petugas sekretariat Wadah yang membincangkan pelbagai agenda penting bagi memperkuuh organisasi. Antara perkara yang dibincangkan termasuk persiapan program Ramadan, strategi pengukuhan organisasi, serta pelaksanaan inisiatif baharu bagi tahun 2025. Mesyuarat turut menekankan kepentingan penglibatan aktif semua pihak dalam menjayakan misi dan visi Wadah.

Mesyuarat berakhir dengan resolusi bersama untuk mempertingkatkan peranan sekretariat dalam memperkasakan program dan gerak kerja organisasi.

STAF WADAH BERSAMA PRESIDEN WADAH



Pada 4 Februari 2025, satu sesi pertemuan bersama Presiden WADAH telah diadakan di Pejabat WADAH. Sesi ini bertujuan untuk memperkuuh semangat kerja berpasukan serta membincangkan perkembangan dan perancangan organisasi.

Dalam sesi ini, Presiden WADAH menekankan kepentingan kesepaduan dalam gerak kerja serta mengajak para petugas untuk terus komited dalam melaksanakan amanah. Beberapa isu organisasi turut dibincangkan, termasuk perancangan program jangka panjang dan strategi memperkasa peranan WADAH dalam masyarakat.

KURSUS PETUGAS YKPJ DIHADIRI DARI SELURUH NEGARA



Pada 4 hingga 5 Februari 2025, Kursus Petugas Yayasan Kebajikan dan Pembangunan Jamaah (YKPJ) telah diadakan di Institut Kepimpinan Belia (IYC), Cheras. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan petugas dalam melaksanakan tugas serta memperkuatkan kefahaman terhadap visi dan misi organisasi.

Sepanjang kursus, para peserta telah mengikuti pelbagai sesi latihan, termasuk ceramah motivasi, bengkel pengurusan organisasi, serta latihan kepimpinan. Kursus ini juga menekankan aspek kerja berpasukan dan pengurusan cabaran dalam menjalankan tugas kebajikan serta pembangunan masyarakat.

PERTEMUAN PRESIDEN BERSAMA GROUP MD KIRSHIBID BANGLADESH



5 Feb 2025, Anjung Rahmat-Presiden WADAH telah mengadakan pertemuan dengan Group Managing Director (MD) Kirshibid Bangladesh dalam satu sesi perbincangan strategik. Pertemuan ini bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam bidang yang bersesuaian.

ROUNDTABLE DISCUSSION KERJASAMA PUSAT IDEA UKM, WADAH & PPR



Pada 6 Februari 2025, satu Roundtable Discussion telah diadakan di Pusat IDEA, UKM melibatkan kerjasama antara Pusat IDEA UKM, WADAH, dan PPR. Perbincangan ini bertujuan untuk memperkuat sinergi dalam pelbagai inisiatif strategik, khususnya dalam bidang pembangunan intelektual, pendidikan, dan kemasyarakatan.



Perbincangan ini mencerminkan komitmen bersama dalam mewujudkan jaringan yang lebih kukuh antara akademia, masyarakat, dan organisasi civil demi manfaat yang lebih besar kepada ummah.

PERTEMUAN BERSAMA NGO YEMEN



Pada 6 Februari 2025, satu pertemuan telah diadakan di Sekretariat ABIM Pusat antara WADAH serta Agensi dengan sebuah NGO dari Yaman. Pertemuan ini bertujuan untuk membincangkan peluang kerjasama dalam bidang kemanusiaan, pendidikan, dan kebajikan bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat krisis di Yaman.



Dalam sesi ini, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai situasi semasa di Yaman.

NAIB PRESIDEN WADAH HADIR KE PUSAT TUNAS NAHDAH PERMATANG PAUH



Pada 8 Februari yang lalu, NAHDAH Permatang Pauh bertuah menerima kehadiran Prof. Dato' Mohd Fauzan, Naib Presiden WADAH Pusat. Beliau mengambil ruang semasa Kelas Mengaji Muslimat untuk berkongsi syarahan ringkas bertajuk "Media Sosial & ICT di dalam Islam".



Prof. Fauzan mengupas secara tematik, akan Surah Al-Hujurat dalam kerangka memberi garis panduan dalam menilai dan mengurus manfaat daripada kemajuan ICT terutamanya dunia AI. Insya Allah akan ada slot khas yang akan diatur di dalam lokaliti Permatang Pauh untuk meluaskan lagi kuliah yang menarik dan kontemporari ini.

PROGRAM INDEPENDENT LIVING CENTRE



Pada 8 hingga 9 Februari 2025, Program Independent Living Centre (ILC) telah berlangsung di Anjung Rahmat dengan penyertaan aktif daripada para peserta. Program ini bertujuan untuk memperkasa individu berkeperluan khas dengan kemahiran hidup berdikari serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap hak dan kepentingan inklusiviti.

Sepanjang program, peserta diberikan latihan dan bimbingan dalam pelbagai aspek, termasuk pengurusan diri, pembangunan kemahiran, dan advokasi hak golongan berkeperluan khas. Sesi perkongsian pengalaman turut diadakan bagi memberikan inspirasi serta memperkuatkkan keyakinan diri para peserta.

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG WADAH BERTEMU PELAJAR DI UNITED KINGDOM



Pada 9 Februari 2025, Penolong Setiausaha Agung WADAH telah mengadakan pertemuan bersama pelajar Malaysia di United Kingdom dalam satu sesi ramah mesra dan perkongsian ilmu. Pertemuan ini bertujuan untuk memperkuat hubungan antara WADAH dan komuniti pelajar di luar negara serta membincangkan peranan mereka dalam pembangunan ummah.

Pertemuan ini mencerminkan komitmen WADAH dalam membimbing dan menyokong generasi muda agar terus berperanan sebagai agen perubahan dalam masyarakat, baik di dalam maupun luar negara.

MESYUARAT ANTARA WADAH DAN JK KAMPUNG SUNGAI MERAB



Pada 10 Februari 2025, satu mesyuarat telah diadakan antara WADAH dan Jawatankuasa Kampung Sungai Merab bertempat di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama strategik dalam pembangunan komuniti setempat.

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk serta merangka strategi pelaksanaan yang lebih berkesan.



PIMPINAN WADAH HADIR KE PROGRAM SYARAHAN TYT RECEP ERDORGAN



Pada 10 Februari 2025, barisan pimpinan WADAH telah menghadiri Program Syarahan oleh Presiden Türkiye, TYT Recep Tayyip Erdoğan, yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Program ini menghimpunkan pemimpin, cendekiawan, dan wakil organisasi dari pelbagai latar belakang bagi mendengar syarahan berkaitan hubungan diplomasi, perpaduan ummah, serta peranan Türkiye dalam geopolitik dunia Islam.

Kehadiran pimpinan WADAH ke program ini mencerminkan komitmen organisasi dalam mengikuti perkembangan semasa, memperluaskan jaringan antarabangsa, serta mengambil inspirasi daripada kepimpinan global dalam memperkasakan ummah.



MAJLIS PENGHARGAAN PETUGAS WADAH



Pada 14 Februari 2025, WADAH telah mengadakan Majlis Penghargaan Petugas bertempat di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat sebagai tanda penghormatan dan apresiasi kepada para petugas atas komitmen dan dedikasi mereka dalam melaksanakan amanah organisasi.

PRESIDEN WADAH DALAM MISI UMMATIK DI SMK BANDAR BARU BANGI



Pada 14 Februari 2025, Presiden WADAH telah menghadiri Misi Ummatik yang berlangsung di SMK Bandar Baru Bangi. Program ini bertujuan untuk menyemai semangat kepimpinan, kesedaran ummah, dan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar.



Dalam sesi tersebut, Presiden WADAH telah menyampaikan syarahan inspirasi mengenai peranan generasi muda dalam membangun masyarakat serta kepentingan ilmu dan akhlak dalam kehidupan. Selain itu, sesi interaktif turut diadakan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk bertanya dan berkongsi pandangan mengenai cabaran serta peluang dalam membentuk masa depan yang lebih gemilang.

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA PUSAT DAN PENYERAHAN WATIKAH LANTIKAN



Pada 15 Februari 2025, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat WADAH telah diadakan di Anjung Rahmat. Mesyuarat ini membincangkan pelbagai agenda penting, termasuk hala tuju strategik organisasi, pelaksanaan program, serta pengukuhan gerak kerja bagi tahun mendatang. Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi Penyerahan Watikah Lantikan kepada ahli jawatankuasa. Penyampaian watikah ini melambangkan amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh setiap pemimpin dalam meneruskan visi serta misi WADAH.



PODCAST NAHDAH: POLITIK GLOBAL DAN DUNIA ISLAM



Pada 15 Februari 2025, Studio WAP TV Anjung Rahmat telah menjadi medan perbincangan dalam sesi Podcast Nahdah yang mengupas topik "Politik Global dan Dunia Islam". Podcast ini menampilkan panel jemputan yang berwibawa dalam bidang politik antarabangsa dan isu-isu dunia Islam, membincangkan perkembangan semasa serta cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam lanskap geopolitik global. Podcast ini mendapat sambutan yang baik dan diharapkan menjadi wadah berterusan dalam membentuk pemikiran kritis serta kefahaman mendalam mengenai politik global dan dunia Islam.

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG WADAH HADIR PROGRAM SEMBANG SAMBIL SARAPAN DI BANGI



Bangi, 16 Februari 2025 – Penolong Setiausaha Agung WADAH telah menghadiri Program Sembang Sambil Sarapan yang berlangsung di Bangi anjuran ABIM Bangi. Program ini menjadi platform perbincangan santai antara pimpinan WADAH dan agensi WAP mengenai isu-isu semasa serta perkembangan gerakan Islam di Malaysia.

MESYUARAT HIMPUNAN GERAKAN ISLAM MALAYSIA (HIKAM)



17 Februari 2025 – Mesyuarat HIKAM telah berlangsung di Pejabat IKRAM dengan kehadiran para pemimpin dan ahli terlibat. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan pelbagai agenda penting berkaitan hala tuju serta strategi pelaksanaan program yang dirancang.

SEMINAR FIQH KENEGARAAN MALAYSIA MADANI



KOTA KINABALU – Malaysia Madani menerapkan konsep yang bersifat universal, merupakan jalan terbaik bagi mencapai kedamaian dan keharmonian khususnya buat rakyat berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.



Penasihat Khas Menteri Luar Negeri (Kemanusiaan dan Pembangunan Semula), Datuk Ahmad Azam Ab Rahman berkata, Malaysia Madani merujuk kepada Madinah yang merupakan suatu inisiatif yang membetulkan persepsi tidak betul dalam kalangan umat Islam, mahupun bukan Islam. Beliau juga merupakan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH).



TIMBALAN PRESIDEN WADAH BERSIARAN DALAM SEGMENT NOTA ROHANI DI BERNAMA RADIO



Kuala Lumpur, 21 Februari 2025 – Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri Harun telah dijemput sebagai tetamu dalam Segmen Nota Rohani di Bernama Radio bagi membincangkan topik bertajuk Bahana Fesyen. Segmen ini mengupas isu prinsip-prinsip fesyen yang patuh syariah serta cabaran dunia fesyen dalam kalangan masyarakat Islam.

Presiden WADAH Terima Kunjungan Hormat Delegasi Arakian Rohingya National Alliance (ARNA)



Kuala Lumpur, 22 Februari 2025 – Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Hj. Ahmad Azam Abdul Rahman, menerima kunjungan hormat daripada delegasi Arakian Rohingya National Alliance (ARNA) yang berpusat di London, United Kingdom. Delegasi tersebut diketuai oleh Pengurusnya, Nurul Islam, bersama Saudara Fauwaz Hasbullah, Naib Presiden Antarabangsa WADAH.

PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN ANJURAN WADAH DAN PENDUDUK KAMPUNG SG. MERAB



Sungai Merab, 22 Mac 2025 – WADAH bersama penduduk Kampung Sungai Merab telah menganjurkan Program Marhaban Ya Ramadan, sebuah inisiatif mengimarahkan bulan mulia dengan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Selain itu, sumbangan kebajikan turut diberikan kepada golongan yang memerlukan sebagai tanda solidariti dan kasih sayang dalam menyambut Ramadan. Kehadiran ramai peserta menunjukkan sambutan yang positif terhadap usaha memupuk nilai kebersamaan serta penghayatan Ramadan dalam kalangan masyarakat.



PRESIDEN WADAH SEBAGAI PANELIS DI KUALA LUMPUR CONFERENCE ON ROHINGYA CRISIS



Gombak, 23 Februari 2025 – Presiden WADAH telah dijemput sebagai panelis dalam Kuala Lumpur Conference on Rohingya Crisis, yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Persidangan ini menghimpunkan para akademik, aktivis hak asasi manusia, serta pemimpin masyarakat bagi membincangkan isu pelarian Rohingya dan mencari solusi yang berkesan. Dalam sesi panel, Presiden WADAH menekankan kepentingan solidariti ummah dalam membantu pelarian Rohingya, serta peranan Malaysia dan negara-negara Islam dalam menyediakan perlindungan, pendidikan, dan peluang pembangunan kepada komuniti yang terjejas. Perbincangan turut menyoroti cabaran geopolitik serta usaha diplomasi dalam menangani krisis ini.

TAKLIMAT SEMASA UMAT ISLAM DI RANTAU ASEAN



24 Februari 2025 – Presiden dan pimpinan WADAH telah menghadiri Taklimat Semasa Umat Islam di Rantau ASEAN yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Taklimat ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu terkini yang melibatkan umat Islam di negara-negara ASEAN serta strategi dalam memperkuuh perpaduan dan kesejahteraan ummah.

PRESIDEN WADAH DITEMU BUAL OLEH WADAH.DAILY



28 Februari 2025 – Presiden WADAH telah ditemu bual oleh Wadah.Daily dalam satu sesi khas yang membincangkan isu-isu semasa dan hala tuju perjuangan WADAH dalam membina masyarakat yang lebih progresif dan berdaya tahan.

Dalam wawancara tersebut, beliau menyentuh pelbagai aspek termasuk peranan WADAH dalam mendepani cabaran ummah, inisiatif terkini yang dijalankan, serta seruan kepada generasi muda untuk terus aktif dalam gerakan dakwah dan kebajikan.

PRESIDEN WADAH DIKUNJUNGI OLEH DELEGASI UMMET VAKFI



28 Februari 2025 – Presiden WADAH telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Ummet Vakfi, sebuah organisasi dari Turkiye, dalam satu pertemuan yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Pertemuan ini membincangkan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan ummah di peringkat antarabangsa. Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai inisiatif bersama bagi memperkuatkan solidariti dan jaringan antara organisasi Islam serantau.

WADAH ADAKAN PERTEMUAN DENGAN COUNCIL FOR HUMANITARIAN NETWORKING OF SHEIKHUL ISLAM OFFICE



28 Februari 2025 – WADAH telah mengadakan pertemuan dengan Council for Humanitarian Networking of Sheikhul Islam Office (CHNS) yang diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Anusorn Sriadulpan.

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM: WANITA BERASPIRASI, MEMBINA LEGASI



27 Februari 2025 – Forum Perdana Ehwal Islam bertajuk Wanita Beraspirasi, Membina Legasi telah berlangsung di Studio Utama Yusuf, Kompleks Islam Putrajaya. Program ini menampilkan barisan panelis terkemuka termasuk YBrs. Profesor Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ustazah Nazirah Abu Bakar, dan Ustaz Hasri Harun, yang juga merupakan Timbalan Presiden WADAH.

Forum ini membincangkan peranan wanita dalam membentuk legasi kepimpinan dan pembangunan masyarakat, selaras dengan nilai-nilai Islam.

USRAH BERSAMA ABIM WILAYAH DI OOBB



28 Februari 2025 – Sesi Usrah bersama ABIM Wilayah telah berlangsung di OOBB, dengan pengisian tausiyah oleh Ustaz Halim. Program ini turut dihadiri oleh Sdr. Arifin, PSUA, bersama para peserta yang hadir bagi menghayati pengisian rohani dan perbincangan berkaitan dakwah serta kepimpinan gerakan Islam.

PERMUKIMAN DINAMIKA KEPIMPINAN WANITA ISLAM



07 - 09 Februari 2025, AnCasa Port Dickson, Negeri Sembilan- Seramai 80 orang pimpinan pusat dan negeri berkumpul dari seluruh negara selama 3 hari 2 malam, bagi meneguh tanzim harakiy, menyegar nahdah kewanitaan dan mengukuhkan saf kepimpinan SALWA.

Permukiman kali ini menjadi lebih objektif dengan perkongsian kalam oleh Presiden WADAH, Dato Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Setiausaha Agung, Haji Azizuddin Ahmad, Penggerusi MSK, Prof Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman dan Hajah Mahanom Basri, Ahli Majlis Penasihat SALWA.

Permukiman turut menyaksikan penyerahan sijil watikah oleh Presiden WADAH kepada 18 orang Jawatankuasa SALWA Pusat dan 14 orang Ketua SALWA Negeri.

Permukiman tahunan ini diharap dapat terus menyatukan hati, fikrah dan amal (wahdatul qalb, fikr wa amal). Bermisikan pengukuhan tauhidik, quranik dan ummatik, diharap SALWA terus menjadi wadah pemerkasa wanita yang berwibawa dan kompeten berasaskan Al-Kitab dan Al-Hikmah.

BANTUAN PASCA BANJIR TABUNG BENCANA BANJIR SALWA



Seramai 132 keluarga dari tujuh negeri telah menerima bantuan pasca-banjir. Negeri yang terlibat adalah Kelantan, Terengganu, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Johor. Sumbangan telah diserahkan kepada pimpinan SALWA negeri oleh Pengurus SALWA Malaysia, Ustazah Nordiran Idris sempena Permukiman SALWA di AnCasa Port Dickson.



PERASMIAN BAKUL KASIH RAMADAN 1446H



Kajang, 16 Februari 2025 (Ahad) – Majlis Perasmian Bakul Kasih Ramadan 1446H telah berlangsung di Masjid Prima Saujana Kajang dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abdul Khudus Mohd Naaim, Pengurus Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

Dalam majlis ini, seramai 30 keluarga asnaf dari Selangor telah menerima bantuan barang dapur serta keperluan asas sebagai persiapan menyambut Ramadan. Program ini merupakan inisiatif kebajikan bagi meringankan beban golongan yang memerlukan dalam bulan penuh keberkatan ini.

Program ini turut mendapat sokongan daripada Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Mr. Moringa, Pusat Infaq Wadah, Dzul Iman Smart Khalifah, dan Masjid Prima Saujana Kajang selaku rakan strategik, yang bersama-sama menjayakan usaha membantu.



SALWA SERTAI KARNIVAL WANITA MADANI ANJURAN MAWIM YADIM



Putrajaya, 26 Februari 2025 – SALWA turut serta dalam Karnival Wanita MADANI anjuran Majlis Wanita Islam YADIM (MAWIM) yang berlangsung di PICC, Putrajaya. Karnival ini telah dirasmikan oleh Datin Seri Dr. Wan Azizah (DSWA).

Karnival ini menghimpunkan kira-kira 500 peserta, terdiri daripada penjawat awam, suri rumah, mahasiswa, wakil NGO, serta sektor swasta dan korporat. Program ini bertujuan memperkasakan peranan wanita dalam pelbagai bidang melalui sesi perkongsian ilmu, forum, serta pameran keusahawanan.

PENGERUSI SALWA HADIRI MESYUARAT PIBK MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



Shah Alam, 27 Februari 2025 – Pengerusi SALWA Malaysia, Hajah Nordiran Idris, telah menghadiri Mesyuarat Bersama Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) Kluster Pembangunan Kekeluargaan yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Mesyuarat ini berlangsung di Bilik BUUK, Tingkat 4, Menara Selatan, JAIS, Shah Alam.

SALWA Malaysia kini tersenarai sebagai salah satu pertubuhan di bawah MAIS dalam Kluster Pembangunan Kekeluargaan. Penyertaan ini membolehkan SALWA memainkan peranan lebih aktif dalam memperkasa institusi kekeluargaan Islam melalui program dan inisiatif yang selari dengan visi MAIS.

PROGRAM BULANAN



Kelas
Afala Yatadabbarunal Qur'an

Tuan Haji Muhammed Ismail Che Kus

9 JANUARI 2023 (KHAMIS)

9:00 - 11:00 PAGI

PERINGKATAN 1
JALUR SAINS, SMK, MRSM, BMM

KELAS AFALA YATADABBARUNAL QUR'AN
MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN



BICARA AD-DIN


Hikmah 168
"Apa yang Berlaku Atas Kehendak Allah"

Abu Hikam ibn Attofah As-Sakandari
Jom 4:00 Petang

9 Januari 2023 | Khamis

Ustaz Ismail Che Kus

BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



TERBUKA

Usrah
Anjung Rahmat

1 Januari 2023
Hari Khamis
jam 9:00 malam

Meeting ID: 850 9952 2438
Passcode: 019201

Pakej A:
Tutor & Tambah Bahasa

Untuk info lanjut, hubungi 013-718 7038 / 018-231 0843

USRATH ANJUNG RAHMAT
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



Usrah Ilmuwan - Siri 199

SAINS UKHUWAH : DI MANA TAHAP ANDA?
"Science of Brotherhood: What is Your Status?"

13 Januari 2023 (ISMII) | 09:00 - 10:00 HALAM

Datuk Dr. Mohd. Zainal Abidin bin Jafar

Datuk Dr. Mohd. Zainal Abidin bin Jafar

Ramai

Penyampaikan: Dato' Prof. Dr. Komarudin bin Pengaruh, Dato' Seri Dr. Ahmad Fauzi bin Matukoh Ilmuwan

www.facebook.com/usrahilmuwani | www.youtube.com/c/usrahilmuwani

USRATH ILMUWAN
HARI ISNIN SETIAP MINGGU



USRATH STAF SEKRETARIAT
WADAH PUSAT
HARI JUMAAT SETIAP MINGGU



Dr. Zainal Abidin

USRATH MAYA

WADAH PUSAT

USRATH WADAH PUSAT
HARI SELASA SETIAP MINGGU

PROGRAM BULANAN

The image shows the front cover of a magazine titled "BICARA HADITH 40". The title is prominently displayed at the top in large green letters. Below it, the date "22 Januari 2025 | Rabu | 9:00 malam" and the word "JAMALI" are visible. A blue banner across the middle contains the text "KEHORMATAN JIWA MUSLIM BAHAGIAN 2". To the left of the banner is a photograph of a book cover with a gold seal and red background. To the right is a portrait of a man in a black suit and glasses. The bottom of the cover features the name "Omar Moltazar Haymdan" and a short bio in smaller text.

**MAJLIS BACAAN AL-MATHURAT
AL-KUBRA
HARI AHAD SETIAP MINGGU**

BICARA HADITH 40

HARI RABU SETIAP MINGGU



KELAS PENGAJIAN AL-QURAN HARI